



## **SIARAN MEDIA**

### **PEJABAT TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

#### **IBU TUNGGAL HARUS BIJAK MENGAMBIL PELUANG**

**PEKAN, 5 APRIL** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menyalurkan golongan ibu tunggal yang telah memulakan perniagaan dan ingin mendapatkan bantuan kewangan untuk mengembangkan perniagaan ke Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional dan MARA.

Di bawah Bajet 2015 pelbagai peluang telah disediakan oleh Kerajaan untuk memperkasakan golongan wanita termasuk golongan ibu tunggal. Antaranya ialah program pembangunan ekonomi dan keusahawanan wanita yang akan disediakan tambahan dana pembiayaan sebanyak RM500 juta di bawah kendalian TEKUN Nasional.

“Sebanyak RM 350 juta diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera iaitu bagi 33 ribu orang peminjam baru. Disamping itu, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM 50 juta kepada Program Pembangunan Wanita Muda Profesional yakni kepada 5,000 peminjam wanita profesional.” kata Datuk Hajah Azidah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibu Tunggal Kebangsaan Cawangan Negeri Pahang Kali Kesebelas yang diadakan di Ancasa Hotel & Resort, Pekan, Pahang.

Pada masa kini, KPWKM memperuntukkan Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Am dan Geran Pelancaran melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu

meringankan beban ibu tunggal. KPWKM juga menyediakan platform bagi melatih golongan ibu tunggal yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan melalui program-program seperti Urutan Mamacare, I-KIT dan I-KeuNita di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Mohd Dun mengingatkan ibu tunggal haruslah mengamalkan sikap positif, sentiasa memandang jauh ke hadapan, bijak mengambil peluang yang ada dan berfikiran terbuka untuk memastikan kejayaan yang berterusan dalam kehidupan mereka.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Datuk Melati Binti Ali, Presiden Persatuan Ibu Tunggal Kebangsaan dan seramai 200 tetamu.

**#####**

Disediakanoleh : Pejabat Timbalan Menteri  
Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan  
Masyarakat  
No.55 Persiaran Perdana, Presint 4,  
WP Putrajaya

Telefon : 019 653 7358

Tarikh : 5 April 2015